



Headline: Wanita rugi RM195,580 ditipu staf Pos Laju Language: Malay palsu

Publication/Portal: Kosmo  
Date: 29 September 2020

Section: Negara  
Page: 11

# Wanita rugi RM195,580 ditipu staf Pos Laju palsu

Oleh **MUHAMMAD ZIKRI**

**PONTIAN** – Gara-gara terlalu takut ditangkap pihak berkuasa kerana dituduh terlibat dalam kegiatan pengubahan wang haram, seorang operator pengeluaran kilang di Singapura mengalami kerugian RM195,580 selepas ditipu sindiket *Macau Scam* kelmarin.

Ketua Polis Daerah Pontian, Superintendan Mustafa Bakri Salleh berkata, kejadian berlaku apabila wanita berusia 30-an itu menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki yang menyamar sebagai kakitangan Pos Laju.

Menurutnya, mangsa kononnya mempunyai satu bungkusan yang mengandungi kad mesin

pengeluaran wang automatik (ATM) dan buku cek miliknya yang perlu dihantar ke satu alamat di Sabah.

“Suspek juga mendakwa mangsa terlibat dalam kes pengubahan wang haram dan dia diarahkan untuk memindahkan sejumlah wang ke beberapa akaun bank bagi mengelakkan daripada dikenakan tindakan.

“Takut kerana didakwa terlibat dengan pengubahan wang haram, wanita terbabit tanpa berfikir panjang telah membuat sebanyak 14 transaksi ke beberapa akaun bank yang diminta oleh suspek sejak Ogos sehingga bulan ini,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, mangsa telah membuat laporan di Ibu Pejabat

Polis Daerah Pontian pada 26 September lalu selepas kesemua RM195,580 wang simpanan di dalam bank diserahkan kepada suspek.

“Siasatan mendapati, wanita yang berkerja sebagai operator pengeluaran kilang di Singapura itu telah ditipu sindiket *Macau Scam*,” ujarnya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu. Sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 10 tahun, sebatan dan denda.

Orang ramai boleh membuat semakan nombor akaun bank melalui laman web [www.ccid.rmp.gov.mysemakmule](http://www.ccid.rmp.gov.mysemakmule) bagi mengesahkan akaun itu sama ada terlibat dengan mana-mana kes penipuan.